

SULIT



UNIVERSITI TUN HUSSEIN ONN MALAYSIA

**PEPERIKSAAN AKHIR
SEMESTER II
SESI 2015/2016**


NAMA KURSUS : PENGUKURAN DAN PENILAIAN
DALAM PENDIDIKAN
KOD KURSUS : BBD 30202
KOD PROGRAM : BBA/BBB/BBC/BBD/BBE/BBF/BBG
TARIKH PEPERIKSAAN : JUN / JULAI 2016
JANGKA MASA : 2 JAM
ARAHAN : JAWAB SEMUA SOALAN

KERTAS SOALAN INI MENGANDUNGI TIGA BELAS (13) MUKA SURAT

SULIT

BAHAGIAN A

- S1** Bagi seseorang guru di bilik darjah, aspek pengukuran pendidikan ini sering dikaitkan dengan pencapaian dan kedudukan pelajar. Antara berikut, yang manakah merupakan kepentingan pengukuran?
- A Prosedur sistematik bagi mengukur sebahagian aspek tingkah laku murid
 - B Memperuntukkan nombor atau skor markah secara kuantitatif kepada pelajar
 - C Menghasilkan set data maklumat bagi membuat keputusan menyeluruh
 - D Menyediakan kertas soalan-soalan dalam sesuatu ujian
- S2** Pengukuran dalam pendidikan mempunyai elemen berikut kecuali
- A memperuntukkan indeks berangka.
 - B proses untuk penggredan.
 - C proses penilaian melalui kualitatif.
 - D menggunakan alat pengukuran yang telah dipiawaikan.
- S3** Ujian yang diberi tidak mendatangkan apa-apa makna jika ujian itu tidak memenuhi fungsinya. Antara berikut yang manakah tidak merujuk kepada fungsi sesuatu pengujian?
- A Menentukan pencapaian guru
 - B Mengukur pencapaian pelajar
 - C Mengukur keberkesanan pengajaran
 - D Memberi gred
- S4** Penilaian dalam pendidikan merupakan satu proses
- A menguji kebolehan seorang pelajar dalam pembelajaran.
 - B menganalisa kemajuan seorang pelajar di dalam kelas.
 - C sistematik untuk mengukur tingkah laku pelajar melalui ujian di dalam kelas.
 - D menganalisis maklumat yang telah dikumpulkan untuk membuat pertimbangan.
- S5** Dalam pendidikan, penilaian melibatkan
- A data kuantitatif sahaja
 - B data kualitatif sahaja
 - C data kuantitatif dan kualitatif
 - D data primer dan sekunder



Rajah S6 Perkaitan antara pentaksiran, pengujian, pengukuran dan penilaian

S6 Berdasarkan **Rajah S6** di atas, pilih pernyataan yang salah bagi perkaitan antara pentaksiran, pengujian, pengukuran dan penilaian.

- A Semua pengujian mesti melibatkan penilaian dan sebahagian sahaja pengukuran.
- B Semua ujian melibatkan pengukuran tetapi tidak semua pengukuran melibatkan ujian.
- C Sebahagian penilaian melibatkan pengukuran sama ada dalam bentuk ujian ataupun pemerhatian.
- D Tidak semua alat ujian atau pengukuran digunakan untuk membuat penilaian.

S7 Padankan contoh kerja yang paling sesuai berdasarkan kepada **Rajah S6** di atas

	No.	Contoh kerja
A	1	Kerja lapangan, aktiviti kumpulan
B	2	Tinggi, berat, suhu
C	3	Kefungsian alat, ujian kecerdasan
D	4	Peperiksaan akhir, kuiz, ujian

S8 Ujian formatif sering di lakukan oleh guru di sekolah bagi mendapatkan maklum balas. Yang manakah merupakan ujian formatif?

- A Ujian Pencapaian Sekolah Rendah
- B Ujian bulanan dalam bilik darjah
- C Peperiksaan akhir tahun
- D Peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia

S9 Yang manakah di antara pernyataan-pernyataan yang berikut adalah tidak benar mengenai ujian formatif?

- A Ia diadakan dari semasa ke semasa
- B Ia dapat dijalankan secara formal atau tidak formal
- C Ia menggunakan pelbagai alat pengukuran
- D Lapornya digunakan bagi tujuan penggredan

S10 Bilakah ujian sumatif biasanya diadakan?

- A Sebelum pembelajaran
- B Semasa pembelajaran sedang berlaku
- C Selepas satu peringkat pembelajaran
- D Dijalankan dari semasa ke semasa

S11 Tujuan utama penilaian sumatif adalah untuk

- A mengatasi kelemahan pembelajaran murid.
- B membantu guru memperbaiki pengajarannya.
- C menentukan pencapaian dan kedudukan prestasi murid dalam pembelajaran.
- D merancang program pemulihan untuk memperbaiki kurikulum berkenaan.

S12 Apakah fungsi utama indeks diskriminasi sesuatu item?

- A Membezakan pencapaian pelajar yang lemah
- B Mendiskriminasikan jawapan pelajar pandai
- C Menentukan sama ada item itu baik atau sebaliknya
- D Menentukan kesesuaian aras kesukaran dengan kebolehan pelajar

S9 Yang manakah di antara pernyataan-pernyataan yang berikut adalah tidak benar mengenai ujian formatif?

- A Ia diadakan dari semasa ke semasa
- B Ia dapat dijalankan secara formal atau tidak formal
- C Ia menggunakan pelbagai alat pengukuran
- D Lapornya digunakan bagi tujuan penggredan

S10 Bilakah ujian sumatif biasanya diadakan?

- A Sebelum pembelajaran
- B Semasa pembelajaran sedang berlaku
- C Selepas satu peringkat pembelajaran
- D Dijalankan dari semasa ke semasa

S11 Tujuan utama penilaian sumatif adalah untuk

- A mengatasi kelemahan pembelajaran murid.
- B membantu guru memperbaiki pengajarannya.
- C menentukan pencapaian dan kedudukan prestasi murid dalam pembelajaran.
- D merancang program pemulihan untuk memperbaiki kurikulum berkenaan.

S12 Apakah fungsi utama indeks diskriminasi sesuatu item?

- A Membezakan pencapaian pelajar yang lemah
- B Mendiskriminasikan jawapan pelajar pandai
- C Menentukan sama ada item itu baik atau sebaliknya
- D Menentukan kesesuaian aras kesukaran dengan kebolehan pelajar

Soalan S13– S16 adalah berdasarkan kepada analisa item bagi satu ujian yang diambil oleh 80 orang calon, keputusannya adalah seperti dalam **Jadual S13** di bawah:

Jadual S13

Nombor Item	Jawapan Betul	
	Kumpulan Berpencapaian Tinggi (20 orang pelajar)	Kumpulan Berpencapaian Rendah (20 orang pelajar)
1	8	12
2	16	10
3	7	4
4	7	7
5	15	3

S13 Berapakah nilai indeks diskriminasi bagi item 5?

- A 0.45
- B 0.60
- C 0.75
- D 0.90

S14 Manakah antara berikut merupakan item yang paling sukar?

- A 1
- B 2
- C 3
- D 4


S15 Manakah antara item berikut yang mempunyai indeks diskriminasi negatif?

- A 1
- B 2
- C 3
- D 4

S16 Item yang manakah tidak membezakan pelajar yang berkebolehan tinggi dengan pelajar yang berkebolehan rendah?

- A 1
- B 2
- C 3
- D 4


- S17** **Rajah S17** adalah graf pencong positif di dalam Kelas 6 Tekun bagi ujian Matematik.



Rajah S17

Merujuk kepada **Rajah S17**, apakah kedudukan di **Y**?

- A Min
 - B Mod
 - C Median
 - D Normal
- S18** Kenyataan berikut adalah benar bagi taburan markah pelajar yang ditunjukkan dalam **Rajah S18**



Rajah S18

- I Taburan adalah pencong ke kanan
 - II Taburan mempunyai pencongan negatif
 - III Taburan mempunyai pencongan positif
 - IV Taburan adalah pencong ke kiri
- A I dan II sahaja
 - B I dan III sahaja
 - C II dan IV sahaja
 - D IV sahaja

- S19** Pelajar A mempunyai kedudukan persentil ke 80. Ini menunjukkan pelajar tersebut
- A telah menjawab 80% dari soalan yang diberi dengan betul.
 - B tahu 80% dari tajuk-tajuk yang terdapat dalam mata pelajaran yang diuji.
 - C adalah lebih tinggi markahnya daripada 80 orang dalam kelasnya.
 - D telah mendapat markah lebih baik daripada 80% pelajar dalam kelasnya.

Soalan S20 – S21 adalah berdasarkan kepada skor untuk 10 orang pelajar dalam satu ujian Matematik yang ditunjukkan seperti dalam **Rajah S20**.

55, 42, 35, 88, 90, 67, 75, 98, 96 dan 94

Rajah S20

S20 Kirakan median bagi skor di atas.

- A 64.0
- B 74.0
- C 81.5
- D 93.5

S21 Kirakan mod bagi skor di atas.

- A 1
- B 10
- C 82.5
- D Tiada mod

S22 Antara berikut merupakan tingkah laku yang mempengaruhi pemeriksa semasa memeriksa skrip jawapan kecuali

- A bias sendiri
- B kesan halo
- C ralat piawai
- D kecenderungan memusat

S23 Manakah antara berikut merupakan kesahan yang paling penting dalam semua jenis pentaksiran yang dijalankan?

- A Kesahan serentak
- B Kesahan isi
- C Kesahan kriteria
- D Kesahan gagasan

S24 **Jadual S24** menunjukkan susunan pelajar berdasarkan pencapaian dari tinggi ke pencapaian rendah dalam dua ujian yang menggunakan set soalan yang sama.

Jadual S24

Ujian kali pertama	Ujian kali kedua
Azizah	Alias
Cindy	Rabitah
Alias	Saiful
Saiful	Azizah
Rabitah	Cindy

Apakah rumusan yang sesuai berdasarkan keputusan pelajar tersebut?

- A Prestasi pelajar tidak konsisten
- B Keputusan ujian sangat tidak boleh dipercayai
- C Terdapat peningkatan yang baik bagi pelajar lemah
- D Ujian tersebut boleh mengukur kebolehan sebenar pelajar

S25 Apakah jenis soalan yang sesuai digubal untuk menilai seribu orang pelajar?

- A Padanan
- B Benar-salah
- C Jawapan pendek
- D Aneka Pilihan

Soalan S26 adalah berdasarkan pernyataan dibawah:

- Menukarkan konsep geometri dalam lisan kepada bentuk rajah.
- Menerangkan dengan menggunakan ayat sendiri petikan yang telah dibaca.
- Kebolehan membuat beberapa pengecualian apabila menterjemahkan data.

S26 Manakah antara aras kognitif berikut yang paling tepat menerangkan situasi dalam pernyataan di atas?

- A Penilaian
- B Kefahaman
- C Analisis
- D Sintesis

S27 Apakah tujuan pra ujian/kajian rintis semasa proses pembinaan soalan?

- A Semakan dan bank soalan.
- B Meningkatkan kebolehan pelajar.
- C Menghimpunkan soalan yang berkualiti.
- D Memastikan pelajar tidak melakukan kesilapan.

S28 Apakah peringkat yang perlu ditentukan terlebih dahulu sebelum membina Jadual Spesifikasi Ujian?

- A Menentukan bilangan soalan, menganalisis objektif pengajaran, menentukan jenis ujian dan mengkaji sukatan pelajaran
- B Menentukan jenis ujian, mengkaji sukatan pelajaran, menentukan bilangan soalan dan menganalisis objektif pengajaran
- C Mengkaji sukatan pelajaran, menganalisis objektif pengajaran, menentukan jenis ujian dan menentukan bilangan soalan
- D Mengkaji sukatan pelajaran, menentukan bilangan soalan, menganalisis objektif pengajaran dan menentukan jenis ujian

S29 Manakah antara berikut adalah kebaikan utama soalan jenis esei?

- A Kesahan yang tinggi
- B Nilai diagnostik tinggi
- C Kebolehpercayaan yang tinggi
- D Mengukur kemahiran yang kompleks

- S30** Apakah tujuan utama penilaian bilik darjah dari aspek perkembangan dan kemajuan akademik?
- A Menilai prestasi yang ditunjukkan oleh guru semasa tempoh pengajaran dan pembelajaran
 - B Memberikan peluang untuk penambahbaikan dalam pengajaran dan pembelajaran
 - C Membandingkan keputusan pelajar dengan tahap norma peringkat negeri
 - D Membandingkan keputusan pelajar dengan tahap norma peringkat kebangsaan
- S31** Manakah antara markah berikut mewakili tahap prestasi yang terbaik.
- A Skor $z = 1.0$
 - B Skor $T = 55$
 - C Stanine 5
 - D 35th persentil
- S32** Berdasarkan jenis-jenis item yang disenaraikan di bawah, yang manakah paling sesuai digunakan untuk mengukur aspek kognitif tahap tinggi?
- A Esei
 - B Struktur
 - C Aneka pilihan
 - D Jawapan pendek

Untuk soalan S33 – S36 anda dikehendaki memilih jawapan seperti yang terdapat di dalam jadual dibawah:

		I	II
	A	Betul	Betul
	B	Betul	Salah
	C	Salah	Betul
	D	Salah	Salah
S33	I	Penilaian ialah proses pengumpulan maklumat yang digunakan untuk membuat keputusan mengenai pelajar, kurikulum dan program.	
	II	Pentaksiran ialah proses membuat pengadilan yang bernilai mengenai prestasi dan hasil kerja pelajar.	
S34	I	Skema pemarkahan analitik mudah dibina dan mengambil masa yang pendek untuk disiapkan.	
	II	Skema pemarkahan dapat mengurangkan perbezaan markah yang diberikan oleh pemeriksa yang berlainan.	
S35	I	Tidak semestinya konsistensi yang tinggi mempunyai kesahan yang tinggi.	
	II	Kesan pemeriksa mempengaruhi konsistensi markah yang diberikan kepada pelajar.	
S36	I	Pemarkahan secara holistik lebih objektif dan ketekalannya dapat dikekalkan sekiranya pemeriksa menjalankan tugas dengan teliti.	
	II	Kebolehpercayaan adalah merujuk kepada ketekalan markah yang diberikan oleh ramai pemeriksa.	
S37	Manakah langkah-langkah yang harus dilakukan oleh seseorang guru dalam mentadbir sesuatu ujian?		
	A	Tentukan tujuan, bina <i>blue print</i> , kumpul soalan, pilih jenis soalan, sedia soalan, tadbir ujian, tafsir ujian dan guna keputusan	
	B	Tentukan tujuan, kumpul soalan, pilih jenis soalan, sedia soalan, bina <i>blue print</i> , tadbir ujian, tafsir ujian dan guna keputusan	
	C	Tentukan tujuan, bina <i>blue print</i> , pilih jenis soalan, sedia soalan, kumpul soalan, tadbir ujian, tafsir ujian dan guna keputusan	
	D	Bina <i>blue print</i> , tentukan tujuan, kumpul soalan, pilih jenis soalan, sedia soalan, tadbir ujian, tafsir ujian dan guna keputusan	

Jawapan bagi soalan S38– S40 adalah berdasarkan kepada maklumat dibawah

- A Penilaian Formatif
- B Penilaian Diagnostik
- C Ujian Rujukan Norma
- D Ujian Rujukan Kriteria

S38 Cikgu Aini mengadakan ujian pengesanan untuk mengetahui masalah pembelajaran dalam matapelajaran yang diajarnya.

Jawapan:

S39 Rahim dapat menjawab 90% ujian sains dengan tepat.

Jawapan:

S40 Hampir separuh pelajar dalam kelas 3B gagal ujian matematik berbanding pelajar kelas 3A yang lulus semuanya.

Jawapan:

(50 markah)

BAHAGIAN B

- S41** (a) Definiskan istilah berikut:
- (i) Pentaksiran autentik
 - (ii) Pentaksiran makmal dan bengkel
 - (iii) Pentaksiran tradisional
 - (iv) Pentaksiran atas talian
 - (v) Pentaksiran Prestasi
- (10 markah)
- (b) Ujian Rujukan Norma (URN) dan ujian rujukan kriteria (URK) adalah satu kaedah yang dilaksanakan untuk membuat pentafsiran terhadap skor-skor yang diperoleh pelajar. Bincangkan kepentingan URN dan URK dalam pentafsiran skor pelajar dan berikan contoh-contoh yang sesuai.
- (15 markah)
-
- S42** (a) Terangkan maksud kesahan kandungan.
- (4 markah)
- (b) Huraikan bagaimana kesahan kandungan sesuatu ujian dilaksanakan.
- (6 markah)
- (c) Nyatakan dua perbezaan diantara Taksonomi Kognitif Bloom 1956 dengan *revise* Taksonomi Bloom 2001. Kemudian terangkan maksud mengaplikasi dan mencipta dalam *revise* Taksonomi Bloom serta berikan 2 kata tugas dan 2 contoh soalan yang sesuai bagi setiap aras tersebut.
- (15 markah)

-SOALAN TAMAT-